

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR UTUSAN MALAYSIA
BAHASA MALAYSIA 2007**

Kertas 1 (SET 2)

Masa: Satu jam tiga puluh minit

Arahan am: *Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*

Soalan 1 hingga 7

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih kata yang paling sesuai.

1. Lelapan SPM perlu _____ untuk mendapat tempat di universiti tempatan.
A bersaing
B bertarung
C bertanding
D berhempas
2. Para penonton _____ menyaksikan persembahan ahli silap mata yang hebat itu.
A terpepman
B terpukau
C tergodas
D terpaut
3. Rumah tangga Azlan dan Sofia _____ kerana mereka tidak sefahaman lagi.
A gundah-gulana
B lintang-pukang
C bongkar-bangkir
D tunggang-langgang
4. Kemalangan ngeri yang pernah dialaminya itu selalu _____ hidupnya.
A menghantui
B mengimbau
C meracuni
D meladeni
5. Ibu menyuapi adik se_____ nasi.
A butir
B ketul
C kepal
D genggam

6. Gambar yang dilukis oleh abang _____ cantik sekali.
A paling
B benar
C nian
D amat
7. Kes penculikan anak seorang jutawan itu mendapat _____ yang meluas daripada media massa.
A kajian
B liputan
C siasatan
D gambaran

Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandai dengan A, B dan C. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

8. Ayah berehat di bawah pokok yang redup itu setelah penat menajak rumput di belakang rumah. Tiada kesalahan.
A B C
D
8. Sebagai tanda ingatan, Fazli menghadiah rakan karibnya, Razman sebuah jam tangan. Tiada kesalahan.
A B C
D
10. Gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah semakin menjadi sejak akhir-akhir ini terutama di bandar-bandar besar. Tiada kesalahan.
A B C
D
11. Hassan dimarahi kerana melontarkan kerbau itu dengan seketul batu yang diambilnya di tepi jalan. Tiada kesalahan.
A B
C D
12. Ibu menanak ubi kayu dalam periuk tanah supaya rasanya lebih sedap. Tiada kesalahan.
A B C
13. Para pelajar-pelajar Sekolah Menengah Seri Setia diwajibkan memakai lencana sekolah dan tali leher sewaktu perhimpunan diadakan. Tiada kesalahan.
A B
C D

14. “Kalau ada apa-apa masalah, janganlah malu untuk memberitahu cikgu”, kata
A B
Cikgu Tini pada anak muridnya, Siti Balqis. Tiada kesalahan.
C D

Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

15. I Lumba haram merupakan gejala tidak *sihat* yang melanda remaja hari ini.
II Ayah tidak bekerja pada hari ini kerana berasa tidak *sihat*.
III Saya di sini *sihat* sejahtera di samping rakan-rakan seperjuangan.
IV Oleh sebab ayam ternakan Pak Majid *sihat* ramai peraih suka membelinya.
A I dan IV
B II dan III
C I, II dan III
D II, III dan IV
16. I “*Semak* karangan kamu dari segi ejaan dan tanda baca,” kata Cikgu Suraya.
II Setiap hujung bulan, akaun ini akauntan syarikat akan *semak*.
III Fikiran saya *semak* dengan pelbagai masalah di tempat kerja.
IV Kerja rumah yang dibuat oleh adik telah saya *semak*.
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
17. I Kamil gemar makan mi yang dimasak *basah*.
II Tilam ini *basah* kerana adik kencing di atasnya.
III Harga sekilo udang *basah* di pasaran ialah RM24.00.
IV Syafiq *basah* kuyup kerana hujan lebat sewaktu pulang dari sekolah.
A II dan IV
B I, II dan III
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Soalan 18 hingga Soalan 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin** mengandungi **kesalahan** penggunaan bahasa atau **mungkin juga tidak**. Tandakan **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

18. Nasihat ibu dan bapa kita jangan sekali-kali abaikan.
A kita janganlah mengabaikan sama sekali
B jangan sekali diabaikan oleh kita
C jangan sekali-kali kita abaikan
D kita jangan sekali-kali abaikan

19. Pada musim perayaan ini, para pemandu diingatkan supaya memandu kenderaan dengan berhati-hati supaya kemalangan dapat dielakkan.
- A kerana kemalangan dapat dielakkan
 - B kerana kemalangan dapat dijauhi
 - C supaya kemalangan dapat dijauhi
 - D supaya kemalangan dapat dielakkan
20. Rencana itu membincangkan tentang masalah sosial yang berlaku pada hari ini dalam kalangan murid-murid sekolah.
- A membincangkan masalah
 - B membincang tentang perkara
 - C membincang masalah-masalah
 - D membincangkan tentang masalah
21. Merujuk pada aduan orang ramai berhubung aktiviti mencuri pasir, pihak penguat kuasa menjalankan pemantauan dengan segera.
- A Merujuk kepada aduan
 - B Merujuk pada rungutan
 - C Merujuk kepada pengaduan
 - D Merujuk pada aduan

Soalan 22 hingga soalan 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22. **Para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang terpilih diwajibkan untuk menghadiri Program Khidmat Negara pada bulan Mac nanti.**
- A Program Khidmat Negara akan diwajibkan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan dilaksanakan pada bulan Mac.
 - B Program Khidmat Negara akan dilaksanakan pada bulan Mac dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia akan dipilih untuk menyertainya.
 - C Program Khidmat Negara akan dijalankan pada bulan Mac dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang terpilih mesti menyertainya.
 - D Program Khidmat Negara yang dilaksanakan pada bulan Mac hanya untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang terpilih.
23. **Kempen melalui media massa telah berjaya meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya penyakit AIDS.**
- A Penyakit AIDS telah berjaya disedarkan melalui kempen di media massa.
 - B Orang ramai semakin sedar akan bahaya penyakit AIDS ekoran kempen melalui media massa.
 - C Orang ramai telah sedar akan bahaya penyakit AIDS dan memulakan kempen di media massa.
 - D Pesakit AIDS telah disedarkan oleh orang ramai melalui kempen di media massa.

24. **Pelbagai kraf tangan yang menarik dipamerkan sempena pelancaran “Bulan Melawat Perak” yang dirasmikan oleh Menteri Besarnya.**
- A Menteri Besar Perak melancarkan pelbagai kraf tangan menarik sempena “Bulan Melawat Perak”.
 - B Menteri Besar Perak menyuruh rakyatnya mencipta pelbagai kraf tangan menarik sempena “Bulan Melawat Perak”.
 - C Sempena “Bulan Melawat Perak” yang dirasmikan oleh Menteri Besarnya, pelbagai kraf tangan menarik dipamerkan.
 - D Pameran kraf tangan yang menarik itu dirasmikan oleh Menteri Besar Perak sempena “Bulan Melawat Perak”.

Soalan 25 hingga soalan 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

25. I Aku bingkas bangun daripada tempat duduk sambil menjawab panggilan telefon.
II Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang baharu bagi sesi ini ialah Encik Luqman Hakim.
III Mereka akan berangkat ke Mekah untuk menunaikan fardu haji pada akhir bulan ini.
IV Kerancangan ekonomi di negara kita menyebabkan ramai pelabur asing melabur di sini.
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
26. I Walaupun baru berumur empat tahun, Aiman petah bercakap.
II Kereta yang dipandu laju itu terperosok dalam longkang.
III Roslin Hashim adalah seorang pemain badminton terkenal di Malaysia.
IV Kerbau itu menguak dengan amat kuat sekali.
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. I Pak Cik Salim sedang membakarkan ikan pari untuk kami sekeluarga.
II Abang berjalan terdengkot-dengkot kerana kakinya terpijak paku.
III Datuk keuzuran dan tidak mampu lagi ke masjid untuk sembahyang berjemaah.
IV Budak itu membawa basikalnya ke Ah Hock Kedai Basikal untuk dibaiki.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 28 hingga soalan 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan di bawah ini.

28. Faezah bercerita tentang novel yang sebenarnya telah dibaca oleh rakannya, Anis. Perbuatan Faezah itu umpama
- A lunak gigi daripada lidah.
 - B membuang garam ke laut.
 - C orang buta diberi bersuluh.
 - D mencurah air di daun keladi.



29. Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi menggambarkan situasi dalam dialog di atas.
- A Nasi sudah menjadi bubur
 - B Sudah jatuh ditimpa tangga
 - C Sudah terantuk baru tengadah
 - D Sediakan payung sebelum hujan
30. Dalila membuat kerja rumahnya dengan sambalewa sahaja dan tidak bersungguh-sungguh. Sikapnya ini diibaratkan
- A bagai air titik di batu.
 - B bagai api dalam sekam.
 - C seperti aur ditarik songsang.
 - D bagai melepaskan batok di tangga.

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dua tiga hari selepas itu, aku tercengang lagi. Aku nampak dia lagi. Aneh. Tapi akhirnya kurasakan bukan keanehan lagi. Dia sempat memandangkanku dan aku juga. Malah lebih tepat dan tanpa berkedip. Malang sekali tatkala aku hendak melaung, dia tiba-tiba ditelan oleh keramaian orang.

“Siapakah dia?”

Soalan inilah yang sering menerpa tiba-tiba dalam benakku ketika aku duduk-duduk di anjung rumah pada waktu petang yang tenang dan riang sungguhpun kini telah sepi. Sepi!

Dalam kesepian itu, seolah-olah aku melihat pokok-pokok yang longlai *dipuput bayu* melihat kemurungan yang menyerang jiwaku. Mungkin juga pokok itu turut merasakan demikian kerana ia juga kebiasaannya tidak lekang daripada pandangan Tina, di sisiku setiap petang sebelum ini. Dan yang kuyakini, dia tak mungkin Tina. Tak mungkin. Namun sama ada mungkin atau sebaliknya, aku merasai, aku patut mencari jalan berjumpanya. Tetapi bagaimana? Adalah cara yang lebih baik selain menunggunya di kantin atau mengambil kesempatan pada waktu rehat untuk menyapa langsung berbual?

Semakin kubesarkan hajat, semakin membesarlah wajah Tina dalam benakku.

“Abang tak ajak Tina main layang-layang?”

“Tak boleh. Tina tak boleh main panas, tau. Nanti demam. Susah kan?”

“Tapi Tina nak lari. Tina nak lari macam dia orang tu. Noorsiah, Aida, Timah, Dina dan yang lain tu, kenapa boleh main panas? Ajaklah Tina main sama. Seronok kan dapat mainkan layang-layang tu?”

(Dipetik daripada cerpen *Tina* karya Aminhad,
Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa,
Tingkatan 2, DBP)

31. Apakah yang menyebabkan “aku” tercengang?
- A Melihat sesuatu yang aneh
 - B Ternampak seseorang seperti Tina
 - C Melihat pokok-pokok dipuput bayu
 - D Ternampak seseorang yang tiba-tiba menghilang
32. Berdasarkan petikan, apakah maksud rangkai kata *dipuput bayu*?
- A Di dalam cuaca
 - B Dihembus angin
 - C Suasana nyaman
 - D Bertiup perlahan-lahan
33. Berdasarkan petikan, “aku” merupakan seorang yang
- A berani.
 - B bernasib malang.
 - C tidak berkeyakinan.
 - D gemar berangan-angan.

“Abang tak ajak Tina main layang-layang?”

“Tak boleh. Tina tak boleh main panas, tau. Nanti demam. Susah kan?”

34. Apakah nilai yang ditunjukkan dalam petikan di atas?

- A Prihatin
- B Kasih sayang
- C Belas kasihan
- D Bertanggungjawab

35. Cerpen “Tina” menggunakan sudut pandangan orang pertama melalui watak

- A Tina.
- B Haidi.
- C Mamat.
- D Kursiah.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PANTUN DUA KERAT

Siakap senohong gelama ikan duri,
Bercakap bohong, lama-lama mencuri.

Mengata dulang paku serpih,
Mengata orang dia yang lebih.

Banyak udang banyak garam,
Banyak orang banyak ragam.

Mentimun bongkok di balik tiang,
Ayam berkokok alamat nak siang.

Gendang gendut tali kecapi,
Kenyang perut suka hati.

Sudah gaharu cendana pula,
Sudah tahu bertanya pula.

Dahulu parang sekarang besi,
Dahulu sayang sekarang benci.

Tokok takal muka pintu,
Orang nakal memang begitu.

Keli masuk ruan keluar,
Matahari masuk bulan keluar.

Duduk inding enggang tap,
Senduk di dinding, panggang di atap.

Secupak padi, setahil berangan,
Tersepak kaki, terkehel tangan.

Kapal belayar dalam semak,
Perut lapar semua lemak.

(Dipetik daripada *Antologi Sehijau Warna Daun*,
Tingkatan 1, DBP)

36. Apakah sikap manusia yang ditunjukkan dalam rangkap kedua?
- A Tamak.
 - B Tidak sedar diri.
 - C Bodoh sombong.
 - D Mementingkan diri.

Sesuatu itu patut berada di tempat yang betul.

37. Pantun yang manakah dapat menggambarkan maksud yang diberikan?

| | |
|----------|---|
| A | Mentimun bongkok di balik tiang, Ayam berkokok alamat nak siang. |
| B | Keli masuk ruan keluar, Matahari masuk bulan keluar. |
| C | Keli masuk ruan keluar, Matahari masuk bulan keluar. |
| D | Duduk inding enggang tap, Senduk di dinding, panggang di atap. |

38. Yang berikut nilai murni yang terdapat dalam pantun dua kerat di atas **kecuali**
- A bercakap benar.
 - B rendah diri.
 - C kesetiaan.
 - D kejujuran.

**Sudah gaharu cendana pula,
Sudah tahu bertanya pula.**

39. Apakah unsur keindahan bahasa yang ditunjukkan dalam rangkap keenam?
- A Simile
 - B Epifora
 - C Metafora
 - D Personifikasi
40. Pilih ciri pantun dua kerat yang **betul**.
- A Mempunyai dua baris pembayang
 - B Mempunyai satu baris maksud
 - C Lima perkataan setiap baris
 - D Rima akhirnya abab

- KERTAS SOALAN TAMAT -

JAWAPAN

| | | | |
|--------------|--------------|--------------|--------------|
| 1. A | 11. B | 21. A | 31. D |
| 2. B | 12. B | 22. C | 32. B |
| 3. C | 13. A | 23. B | 33. C |
| 4. A | 14. C | 24. C | 34. B |
| 5. C | 15. C | 25. C | 35. B |
| 6. D | 16. B | 26. B | 36. B |
| 7. B | 17. D | 27. C | 37. D |
| 8. D | 18. C | 28. C | 38. C |
| 9. C | 19. D | 29. C | 39. B |
| 10. B | 20. A | 30. D | 40. B |